

## **TAPAK SEJARAH DALAM TEKS *SULALATUS SALATIN***

Siti Rabiatul Adawiah Binti Jaffar  
[sitirabiatuladawiah@gmail.com](mailto:sitirabiatuladawiah@gmail.com)

Arba'ie Bin Sujud  
[arbaie@upm.edu.my](mailto:arbaie@upm.edu.my)

Salmah Jan Binti Noor Muhammad  
[salmahjan@upm.edu.my](mailto:salmahjan@upm.edu.my)

Kamariah Binti Kamarudin  
[kkamaria@upm.edu.my](mailto:kkamaria@upm.edu.my)

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia*

### **ABSTRAK**

*Tapak sejarah atau kawasan sejarah merupakan warisan ketara yang dianggap sebagai sebahagian warisan kebudayaan manusia yang terhasil dari gabungan sama ada kerja manusia atau alam semula jadi atau kombinasi keduanya, misalnya tapak arkeologi yang menggambarkan nilai tinggi sejarah, estetika, etnologi atau antropologi. Tapak sejarah juga kaya dengan rekod saintifik merangkumi sejarah perkembangan bumi dan kehidupan melibatkan perkembangan tamadun manusia yang umumnya dikawal oleh keupayaan manusia memanfaatkan sumber-sumber berkenaan. Dalam konteks ini, tapak sejarah memperlihatkan hubungannya dengan pembukaan kawasan-kawasan penempatan sebagaimana yang diperikan menerusi teks-teks historiografi Melayu, dengan memaparkan penggunaan sumber alam oleh masyarakat Melayu tradisional sebagai sumber-sumber yang terdapat pada tapak sejarah dalam membentuk hasil semula jadi dan hasil manusia. Oleh hal demikian, menerusi kaedah analisis teks, kertas kerja ini akan meneliti tapak-tapak sejarah yang terdapat dalam teks historiografi Melayu di samping memperlihatkan penggunaan sumber yang terdapat pada tapak sejarah sebagai kawasan penempatan sebagai gambaran wujudnya perkembangan tamadun*

*masyarakat Melayu tradisional. Secara keseluruhan, alam sekitar memainkan peranan penting sama ada sebagai sumber bahan atau sumber peniruan dalam membentuk kriteria penghasilan tapak sejarah.*

**Kata Kunci:** *Tapak sejarah, hasil semula jadi, hasil manusia, alam persekitaran, Sulalatus Salatin*

## **PENGENALAN**

Tapak sejarah atau kawasan sejarah merupakan warisan ketara yang dianggap sebagai sebahagian warisan kebudayaan manusia. Menurut Warisan Negara (2012), tapak sejarah adalah hasil gabungan sama ada kerja manusia atau alam semula jadi atau kombinasi keduanya, misalnya tapak arkeologi yang menggambarkan nilai tinggi sejarah, estetika, etnologi atau antropologi. Pandangan ini selaras dengan kenyataan UNESCO (1995) yang menjelaskan tapak sejarah sebagai hasil karya manusia atau gabungan karya manusia dengan alam, wilayah yang mencakupi lokasi tinggalan arkeologi dan mempunyai nilai penting kepada aspek persejarahan, budaya dan ilmu pengetahuan. Oleh hal demikian, tapak sejarah disimpulkan sebagai kawasan yang lahir dari tinggalan sejarah sama ada hasil semula jadi atau hasil manusia atau gabungan keduanya yang menggambarkan ciri-ciri persejarahan, budaya, estetika, etnologi, antropologi dan ilmu pengetahuan dalam memperlihatkan warisan budaya sesebuah masyarakat.

Dalam hubungan ini, tapak sejarah juga dapat memaparkan nilai-nilai utama, yang jelas menganjur kepada perihal nilai sejarah dan warisan yang tinggi. Hal ini demikian kerana, tapak sejarah kaya dengan rekod saintifik merangkumi sejarah perkembangan bumi dan kehidupan melibatkan perkembangan tamadun manusia. Tambahan pula, penelitian mendapati perkembangan tamadun manusia umumnya dikawal oleh keupayaan manusia memanfaatkan sumber-sumber berkenaan (Ibrahim Komoo, 2017: 10). Dalam konteks ini, tapak sejarah memperlihatkan hubungannya dengan pembukaan kawasan-kawasan penempatan, misalnya negeri atau negara. Misalnya, tapak sejarah yang diperikan menerusi teks-teks historiografi Melayu, memaparkan bagaimana masyarakat Melayu tradisional memaksimumkan sumber-sumber yang terdapat pada tapak sejarah, terdiri daripada hasil semula jadi dan hasil manusia dalam membentuk kawasan-kawasan penempatan. Oleh hal demikian, kertas kerja ini akan meneliti tapak-tapak sejarah yang terdapat dalam teks historiografi Melayu di samping memperlihatkan penggunaan sumber yang terdapat pada tapak sejarah sebagai kawasan penempatan sebagai gambaran wujudnya perkembangan tamadun masyarakat Melayu tradisional.

## METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini dihasilkan dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis teks sebagai kaedah utama. Kajian kepustakaan ini melibatkan proses pencarian maklumat daripada pelbagai sumber berkaitan. Selain itu, kaedah menganalisis teks pula melibatkan bacaan kritis dan pertimbangan serta penilaian terhadap pembentukan tapak sejarah yang terkandung di dalam teks *Sulalatus Salatin* sebagai teks kajian.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Tapak sejarah dapat dinilai berdasarkan kriteria yang telah digariskan, iaitu hasil semula jadi dan hasil manusia atau gabungan keduanya. Walau bagaimanapun, kriteria berkenaan haruslah bersandar kepada ciri-ciri tertentu, misalnya, ciri persejarahan, budaya, estetika, etnologi, antropologi dan ilmu pengetahuan. Oleh itu, berdasarkan penelitian pada teks kajian, terdapat beberapa tempat atau wilayah yang dikenal pasti memenuhi kriteria terbabit seperti yang terdapat dalam jadual 1 di bahagian lampiran.

Berdasarkan jadual di atas, terdapat sebanyak 34 tapak sejarah yang menepati ciri-ciri tapak sejarah pada teks *Sulalatus Salatin*. Kesemua tapak sejarah terbabit terhasil menerusi dua elemen penting, iaitu hasil semula jadi dan hasil manusia. Hasil semula jadi yang merupakan komponen sedia wujud dalam sesebuah tapak sejarah, terbahagi kepada tiga, iaitu dataran tanah tinggi seperti dataran pada bukit atau gunung, sumber perairan meliputi sungai, laut dan parit, manakala, flora fauna yang terdiri daripada pelbagai jenis tumbuhan, misalnya pokok Melaka, bakau, nyirih, tumu-tumu, padi, ruyung dan api-api, serta haiwan, seperti pelanduk, anjing, singa, kerbau dan gajah.

Di samping itu, bagi hasil manusia pula, yang merupakan komponen yang terhasil dari usaha manusia, juga terdiri daripada tiga, iaitu kota, bangunan, pekan dan bandar. Walau bagaimanapun, pembahagian-pembahagian terbabit, sama ada hasil semula jadi atau hasil semasa mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu, sebagai kriteria utama dalam penghasilan dan pembinaan sesebuah tapak sejarah, dengan menampilkan nilai-nilai persejarahan, budaya, estetika, etnologi, antropologi dan ilmu pengetahuan.

Dalam hubungan ini, pembahagian terbabit, iaitu hasil semula jadi dan hasil manusia dasarnya digunakan sebagai kriteria utama pemilihan sesebuah tapak sejarah. Pada waktu yang sama, penelitian menerusi teks kajian juga, memperlihatkan wujudnya

kesejarahan dalam pembinaan sesebuah tapak sejarah, yang jelas menampilkan hubungan antara dua komponen terbabit, iaitu hasil semula jadi dan hasil manusia, sebagaimana yang diperlihatkan menerusi jadual 2 di bahagian lampiran.

Jadual menunjukkan hubungan yang wujud di antara hasil semula jadi dan hasil manusia dalam pembukaan sesebuah tapak sejarah sebagai tapak penempatan dan kerajaan. Dalam konteks ini, kawasan-kawasan terbabit menggunakan hasil semula jadi sebagai kriteria pemilihan sesebuah kawasan yang dianggap baik sebagai lokasi sesebuah negeri, pentadbiran dan penempatan. Kawasan yang dipilih, akan dibangunkan dengan pembinaan pelbagai hasil manusia, seperti kota, bangunan, pekan dan bandar serta pelabuhan. Dalam konteks ini, jelas memperlihatkan wujudnya hubungan atau perkaitan di antara dua kriteria bagi membangunkan sesebuah tapak sejarah.

### **Sumber Alam Sebagai Hasil Semula jadi dalam Pembentukan Tapak Sejarah**

Masyarakat Melayu menganggap alam persekitaran sebagai aspek penting dalam kehidupan sehari-hari masyarakatnya. Hal ini mewujudkan interaksi antara masyarakat Melayu dengan alam, seterusnya membawa kepada pengeksplorasiannya sebagai sumber, iaitu bahan dalam membina tapak sejarah, malah dapat dikenal pasti menerusi hasil semula jadi, seperti pada petikan teks di bawah:

“...setelah datang ke pantai itu, maka baginda pun turunlah, membawa isteri baginda diiringkan mendara perwara sekalian, bermain di padang Temasek itu... Maka Seri Teri Buana pun berangkat melihat tanah Temasek itu diiringkan segala orang besar-besar. Dipandang baginda terlalu molek perbuatan tanah itu, bukit tanahnya dan rata di atasnya, dan padang di negaranya.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 38)

Petikan menggambarkan hasil semula jadi yang terdapat di Temasek, berfokus kepada keadaan bentuk muka bumi, seperti kawasan tanah lapang, tanah tinggi iaitu bukit dan dataran tanah tinggi. Berdasarkan petikan, bentuk muka bumi berkenaan menjadi antara daya tarikan yang terdapat pada kawasan tersebut. Hal ini apabila Seri Teri Buana yang menjumpai Temasek, terpesona dengan bentuk muka buminya. Malahan, keadaan ini juga dilihat mempengaruhi tapak sejarah yang lain, sebagaimana pada petikan di bawah:

“Adapun pada suatu riwayat Merah Silu pergi berburu, maka anjingnya bernama Si Pasai itu pun menyalak. Dilihatnya Merah Silu Si Pasai itu

menyalak di atas tanah tinggi, seperti ditimbun orang rupanya. Maka Merah Silu naik di atas tanah tinggi itu...”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 52)

Semundra atau Sumatera yang digambarkan pada petikan, memperlihatkan wujudnya bentuk muka bumi yang terdiri daripada kawasan tanah tinggi. Malahan, tanah tinggi berkenaan dikatakan mempunyai daya tarikan menerusi rupa bentuknya yang menyerupai timbunan tanah seperti hasil buatan manusia. Walau bagaimanapun, tarikan pada hasil semula jadi ini tidak terbatas kepada bentuk muka bumi sahaja, bahkan merangkumi ciri-ciri alam semula jadi yang lain, seperti yang dinyatakan pada petikan di bawah:

“Adapun ini suatu riwayat diceritakan oleh yang empunya ceritera; ada sebuah negeri, Indera Pura namanya; air sungainya tohor, lagi dengan rantau pasir sepanjangnya, dalam sungai itu terlalu banyak pulau, dalamnya airnya tawar sampai ke kuala. Musim utara gelora muaranya; kelian emas di hulunya, banyak padang seluas-luas di sana. Isi hutannya gajah, badak harimau, seladang dan sekalian perburuan... Setelah Sultan Mansur Syah mendengar khabar negeri itu, maka terlalu rasanya baginda ingin; maka baginda menitahkan Bendahara Paduka Raja menyerang Indera Pura, ia membawa kelengkapan dua ratus.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 90)

Petikan memerihalkan gambaran sistem perairan yang terdapat di Indera Pura pada zaman pemerintahan Maharaja Dewa Sura. Indera Pura atau juga dikenali sebagai Pahang mempunyai sungai yang cetek, airnya tawar, malah, apabila tiba musim angin, muara sungainya bergelora sehingga menyebabkan timbulnya emas di hulu sungai. Keadaan ini menjadi antara tarikan yang terdapat pada sungai di negeri Pahang, seterusnya membawa kepada punca penaklukan Melaka ke atas negeri tersebut. Tambahan pula, hidupan faunanya juga dianggap luar biasa, apabila ukuran haiwan terbabit lebih besar dari biasa.

Dalam konteks ini, perihal hidupan fauna atau haiwan yang merupakan antara ciri penting yang terdapat pada tapak sejarah turut dijelaskan menerusi peristiwa pembukaan negeri Melaka. Hal ini dinyatakan melalui gambaran peristiwa anjing perburuan Raja Iskandar Syah yang ditendang pelanduk putih, sebagaimana petikan di bawah:

Maka baginda pun datanglah ke sana, berhenti di bawah sepohon kayu, terlalu rampak, maka baginda menyuruh berburu; sekonyong-konyong terjun anjing dihambat pelanduk. Titah baginda “Baik tempat ini diperbuat negeri, anjing alah oleh pelanduk; jikalau orangnya betapa lagi?” Maka sembah orang besar-besar, “Benarlah seperti titah duli tuanku itu.” maka disuruh baginda tebas, diperbuat negeri. Maka titah baginda, “apa nama kayu itu? Maka sembah orang, “kayu Melaka namanya, tuanku,” maka titah Raja Iskandar Syah, “Jika demikian, Melakalah nama negeri ini.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 67)

Petikan menjelaskan peristiwa anjing perburuan baginda yang ditendang pelanduk putih sebagai tarikan yang membuatkan Raja Iskandar Syah berkenan untuk membuka negeri di situ. Kegagahan pelanduk sehingga berjaya menewaskan anjing perburuan dianggap sebagai keadaan luar biasa, sekali gus menjadi daya tarikan istimewa yang akhirnya membentuk negeri Melaka. Sementara itu, penekanan turut diberikan kepada flora atau tumbuhan dalam mencirikan tapak sejarah. Hal ini dapat dilihat menerusi pemilihan nama Melaka sebagai nama negeri, yang berasal dari pohon tempat Raja Iskandar Syah bersandar. Pemilihan nama Melaka dipercayai berkait rapat dengan keadaan pohon tersebut, yang digambarkan merimbun, berdaun lebat dan mempunyai banyak dahan bercabang.

Dalam hubungan ini, ciri pada hasil semula jadi turut digunakan dalam memerihalkan penjenamaan sesebuah tapak sejarah sekali gus menampilkan daya tarikan serta penonjolan identiti sesebuah wilayah. Ciri-ciri yang dianggap istimewa memaparkan sifat-sifat tertentu yang membezakan tapak sejarah tersebut dari kawasan selainnya sebagaimana pada petikan teks berikut:

“Setelah datang ke suatu selat, maka segala kelengkapan baginda pun kekurangan air; beberapa dicari oleh sekalian mereka itu tiada bertemu dengan air tawar, maka kalutlah mereka itu sekaliannya kehausan air. Maka titah Sri Tri Buana, “Lingkarlah rotan, campakkan ke air itu.” Maka dikerjakan oranglah seperti titah baginda itu. maka baginda pun turun ke sampan, serta baginda bercita akan Raja Iskandar Zulkarnain dan Raja Sulaiman ‘alaihi s-salam. Maka dicelupkan baginda ibu kaki ke dalam lingkaran rotan itu. dengan anugerah Tuhan Yang Maha Kuasa, berkat pancar Nabi Sulaiman ‘alaihi s-salam, air masin itu menjadi tawar... maka dipanggil orang “Selat Air Tawar” datang sampai sekarang.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 29)

Peristiwa menggambarkan ciri pada sumber perairan, iaitu laut yang berubah dari air masin kepada air tawar. Perubahan ciri tersebut memperlihatkan keistimewaan yang kemudian menjadi ciri utama dalam menamakan kawasan berkenaan. Malahan, perubahan yang berlaku memaparkan sifat keseluruhan kawasan yang menonjolkan perbezaan di antara tapak sejarah yang lain.

Pada masa yang sama, hasil semula jadi yang terdapat pada tapak sejarah juga mempunyai kepentingan tertentu kepada masyarakat khalayak yang menjadikannya sebagai kawasan penempatan. Hal ini turut digambarkan menerusi peristiwa pada teks *Sulalatus Salatin* sebagaimana yang dinyatakan pada petikan di bawah:

“Setelah beberapa lamanya, maka Raja Suran pun sampailah kepada sebuah negeri Gangga Negara namannya, Raja Gangga Syah Johan nama rajanya. Maka ada pun negeri itu di atas bukit juga; dipandang dari hadapan terlalu tinggi, dan dari belakang rendah juga; ada sekarang kotanya di darat Dinding, ke sana Perak sedikit. Setelah Raja Gangga Syah Johan mendengar khabar Raja Suran datang, maka baginda menyuruhlah menghimpunkan segala rakyatnya, dan menyuruh menutup pintu kotanya, dan bangunan-bangunan pun disuruh tunggui, dan parit pun dipenuhi dengan air.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 10)

Petikan menggambarkan sistem pertahanan melalui hasil semula jadi pada Kota Gangga Negara, iaitu bukit. Walau bagaimanapun, penekanan turut diberikan pada gambaran bukit berkenaan, iaitu dari pandangan hadapan memperlihatkan bentuknya yang tinggi dan curam, namun, jika dilihat dari bahagian belakang bukit, tanah tinggi tersebut kelihatan rendah dan landai. Perbezaan bentuk bukit tersebut merupakan kelebihan kepada sistem pertahanan kota. Hal ini kerana, keadaan bentuknya yang curam dari pandangan hadapan menyukarkan musuh untuk mendaki bukit bagi menyerang kota. Sebaliknya, keadaan bukit yang landai dari pandangan belakang memberi kelebihan kepada penduduk dari dalam kota untuk melarikan diri apabila berlaku serangan. Kelebihan sistem pertahanan ini turut dinyatakan pada teks kajian seperti yang terdapat pada petikan di bawah:

“Maka segala rakyat Raja Suran pun tiada boleh tampil; kenaikan baginda gajah meta. Maka beberapa ditikam dan dipanah dari atas bukit.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 10)

Petikan memerihalkan keadaan tentera Raja Suran yang mengalami kesukaran mendaki bukit di Kota Gangga Negara ketika menyerang kota tersebut. Malah, dengan adanya serangan balas dari arah kota oleh askar-askar Gangga Negara, menyukarkan lagi tentera Raja Suran untuk mara ke hadapan. Senario ini dikaitkan dengan keadaan bukit yang berbeza dari pandangan hadapan dan belakang, sekali gus memberi kelebihan kepada Kota Gangga Negara sekiranya berlaku serangan mengejut (Abdul Halim Nasir, 1990: 56).

Sementara itu, gambaran yang memperlihatkan wujudnya sesebuah tapak sejarah, turut dinyatakan pada sumber perairan, yang terdapat pada tapak sejarah. Sumber perairan merupakan hasil semula jadi yang penting dalam sesebuah tapak sejarah. Hal ini demikian kerana, sumber perairan jelas memberi pelbagai kemudahan, sekali gus membawa pelbagai kebaikan kepada tapak sejarah terbabit sebagaimana yang diperlihatkan menerusi petikan berikut:

“Adapun ini suatu riwayat diceritakan oleh yang empunya ceritera; ada sebuah negeri, Indera Pura namanya; air sungainya tohor, lagi dengan rantau pasir sepanjangnya, dalam sungai itu terlalu banyak pulau, dalamnya airnya tawar sampai ke kuala. Musim utara gelora muaranya; kelian emas di hulunya, banyak padang seluas-luas di sana. Isi hutannya gajah, badak harimau, seladang dan sekalian perburuan. Adalah diceritakan orang, daging seladang itu kurang sepemanggang daripada gajah. dahulu kalanya Indera Pura itu takluk ke benua Siam, nama rajanya Maharaja Dewa Sura, keluarga juga pada Paduka Bubunnya.

“Setelah Sultan Mansur Syah mendengar khabar negeri itu, maka terlalu rasanya baginda ingin; maka baginda menitahkan Bendahara Paduka Raja menyerang Indera Pura, ia membawa kelengkapan dua ratus.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 90)

Petikan memerihalkan gambaran sistem perairan yang terdapat di Indera Pura pada zaman pemerintahan Maharaja Dewa Sura. Indera Pura atau juga dikenali sebagai Pahang mempunyai sungai yang tohor, atau cetek, airnya tawar sehingga ke kuala sungai, malah, apabila tiba musim angin, muara sungainya bergelora. Manakala pada bahagian hulu sungai, timbul bahan galian emas. Keadaan ini menjadi antara tarikan

yang terdapat pada sungai di negeri Pahang, seterusnya membawa kepada punca penaklukan Melaka ke atas negeri tersebut.

Sumber perairan memberi sumbangan yang besar kepada kesejahteraan masyarakat menerusi fungsinya dalam kehidupan sehari-hari. Antaranya dalam keperluan domestik, keperluan pertanian, keperluan ekonomi dan keperluan pengangkutan. Sumbangan sumber perairan ini juga banyak dinyatakan menerusi teks kajian sebagaimana yang dijelaskan dalam petikan di berikut:

“Maka fakir itu pun turunlah ke kapal, lalu belayar berbalik pula; maka jatuh ke negeri Perlak, maka sekalian mereka itu pun diislamkannya. Maka kapal itu pun berlayar ke Semundra. Maka fakir pun naik ke darat, maka is bertemu dengan Merah Silu berkarang di pantai. Maka fakir itu pun bertanya katanya, “Apa negeri ini?” maka sahut Merah Silu, “Adapun nama negeri ini Semundra.” Maka kata fakir itu, “Siapa nama pengetuanya dalam negeri ini?” Sahut Merah Silu, “Hambalah pengetua sekalian mereka itu.” Maka oleh fakir itu Merah Silu diislamkan dan diajarinya kalimatul syahadat. Setalah Merah Silu Islam, maka Merah Silu kembali ke rumahnya, fakir itu kembali ke kapalnya.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 54)

Petikan memperlihatkan fungsi sumber perairan sebagai sistem pengangkutan dalam memenuhi keperluan masyarakat Melayu tradisional. Hal ini dijelaskan menerusi penggunaan kata dan frasa ‘kapal’, ‘berlayar’ dan ‘naik ke darat’. Sistem pengangkutan jalan laut berkenaan digunakan fakir untuk berlayar dari tanah Arab ke Semundra bagi menyampaikan dakwah Islam. Dalam hal ini, menerusi kemudahan sistem perairan mewujudkan jalan perhubungan dalam sistem pengangkutan, justeru membentuk hubungan dua hala antara kerajaan-kerajaan pada ketika itu (Abdul Halim Nasir, 1977: 17).

Hubungan dua hala tersebut secara tidak langsung menyumbang kepada kesejahteraan kerajaan dan masyarakat Melayu semasa. Hal ini dapat dilihat menerusi wujudnya pelbagai aktiviti yang melibatkan sumber perairan sebagai jalan perhubungan seperti penyebaran agama atau dakwah Islam. Berdasarkan gambaran pada *Sulalatus Salatin*, kedatangan agama Islam ke alam Melayu adalah melalui jalan laut. Kedatangan para pendakwah dari Arab menggunakan kapal dan berlabuh di pantai-pantai pada tapak sejarah, misalnya Samundra (Sumatera) dan Melaka, bertujuan untuk mengislamkan

penduduk di kawasan tersebut. Proses pengislaman masyarakat Melayu ini dinyatakan sebagaimana pada petikan di bawah:

“Setelah hari pun asarlah, maka datanglah sebuah kapal dari Jeddah serta ia datang berlabuhlah; maka turunlah makhdum dari dalam kapal itu, Syed Abdul Aziz namanya, lalu ia sembahyang di pantai Melaka itu. Maka hairanlah orang Melaka melihat dia ...Setelah sudah makhdum itu sembahyang, maka raja pun menderumkan gajahnya. Makhdum dibawa baginda naik gajah lalu dibawa baginda masuk ke dalam negeri. Maka segala orang besar-besar semuanya masuk Islam; sekalian isi negeri lelaki perempuan, tua muda kecil besar sekaliannya masuk Islam dititahkan baginda.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 69)

Petikan memperlihatkan fungsi sumber perairan sebagai medium penghubung dalam menyebarkan dakwah Islam ke Melaka pada zaman pemerintahan Raja Kecil Besar. Peranan laut pada tapak sejarah ternyata menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat Melayu semasa, iaitu apabila kedatangan Islam membawa pelbagai pembaharuan, terutamanya yang berkait dengan sistem sosial masyarakat Melayu.

“Maka raja pun bergurulah pada Makhdum akan tertib sembahyang, baginda digelarnya seperti sabda nabi *salla' llahu 'alaihi wa salam-* Sultan Muhammad Syah. Adapun Bendahara bergelar Seri Wak Raja, yakni bapa raja, kerana Bendahara itu ayah- yang salah tak menjadikan – kepada baginda; itulah pertama-tama Bendahara. Raden Anum menjadi Perdana Menteri, bergelar Seri Amar Diraja;...Maka Sultan Muhammad Syah pun mengatur takhta kerajaan baginda.Syahadan bagindalah yang pertama-tama meletakkan “kekuningan larangan”;...”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 69-70)

Petikan memerihalkan pembaharuan yang dilakukan oleh Raja Kecil Besar selepas kedatangan Islam ke Melaka yang bermula dari pucuk pimpinan baginda kemudian diperluas kepada rakyat jelata. Raja Kecil Besar mengambil langkah permulaan dengan melakukan pembaharuan yang bertumpu kepada golongan pemimpin dengan menukar gelaran baginda dan para pembesar. Kemudian diikuti dengan pembaharuan yang lebih meluas serta melibatkan rakyat, iaitu berhubung adat-istiadat Melayu.

Dalam pada itu, aktiviti perdagangan juga dikenal pasti wujud lantaran adanya sistem pengangkutan menerusi sumber perairan pada warisan ketara statik tapak sejarah. Sistem pengangkutan jalan air sama ada laut atau sungai memberi kemudahan kepada para pedagang dari pelbagai kawasan, datang dan singgah untuk menjalankan aktiviti perdagangan di kawasan tersebut. Di samping itu, adanya pelbagai pusat-pusat perdagangan seperti pelabuhan, bandar, pekan dan pasar di tapak sejarah, menjadi tarikan utama yang memikat para peniaga dan pedagang menjalankan aktiviti perdagangan. Hal ini dapat diteliti menerusi petikan pada teks kajian sebagaimana yang dijelaskan pada petikan berikut:

“Hatta maka datang sebuah kapal Peringgi dari Goa, ia bermiaga di Melaka. maka dilihat oleh Peringgi itu, negeri Melaka terlalu baik, bandarnya terlalu ramai.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 230)

Peristiwa pada petikan menekankan hubungan sumber perairan dengan aktiviti perdagangan yang diperlihatkan menerusi kedatangan pedagang Peringgi dari Goa berlayar dengan kapal dan singgah untuk bermiaga di Melaka. Malahan, para pedagang tersebut turut mengagumi keadaan bandar Melaka yang dipenuhi dengan orang. Senario berkenaan menjelaskan wujudnya daya tarikan di bandar Melaka yang memikat hati para peniaga untuk menjalankan perdagangan di tapak sejarah tersebut. Secara keseluruhan, penelitian terhadap ciri-ciri hasil semula jadi pada tapak sejarah, memperlihatkan hubungannya dengan alam persekitaran. Hasil semula jadi yang terdiri daripada bentuk muka bumi, sistem perairan, hidupan fauna dan flora merupakan objek alam yang juga menjadi antara kriteria penting yang mempunyai tarikan dalam penelitian sesebuah tapak sejarah bagi masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana, daya tarikan tersebut, dilihat sebagai interaksi atau jalinan tersirat antara masyarakat Melayu semasa dengan alam persekitaran, sekali gus membentuk warisan ketara terbabit.

### **Sumber Alam sebagai Asas Penghasilan Hasil Manusia dalam Tapak Sejarah**

Penghasilan tapak sejarah sebagai kawasan penempatan juga menitik beratkan hasil manusia sebagai salah satu komponen penting. Dalam konteks ini, hasil manusia terbabit dikenal pasti lahir bersumberkan alam semula jadi yang terdapat di persekitaran, sama ada sebagai sumber bahan penghasilan atau sumber peniruan. Hal ini turut diketengahkan pada teks seperti petikan di bawah:

“Maka oleh Demang Lebar Daun diberikannya yang bernama Sang Si Perba, serta dengan sekalian alatnya, maka oleh Patih Suatang dibawanya kembali ke alam Minang kabau, dirajakannya di sana. Selama baginda kerajaan di alam Minangkabau itu, maka batang jelatang –ayam pun terlalu besar, diperbuatkan tiang balai baginda; lain daripada anak cucu baginda tiada siapa dapat duduk sana kegatalan dan batang saluguri akan baluhan tabuh, dan batang pulut-pulut baluhan gendang, dan ruyung-kayang dapat diperbuat tetaran lembing menjadi pagar istana baginda itu; sebab itulah alam Minangkabau itu dinamai “Pagar Ruyung”, yang tersebut datang sekarang.”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 21)

Petikan menjelaskan reka bentuk kota berpagar sebagai hasil manusia yang dibina pada tapak sejarah yang dikenal pasti sebagai Pagar Ruyung, atau juga dikenali sebagai Minangkabau. Kota berpagar terbabit dibina dari bahan hasil semula jadi iaitu ruyung atau kayu batang rumbia yang dibentuk menyerupai bentuk lembing, disusun secara berderet dan akhirnya membentuk pagar di sekitar istana Sang Si Perba. Dalam konteks ini, pembinaan kota berpagar yang diketengahkan bukan sahaja hanya berfokus kepada bentuk binaan kota yang akhirnya melahirkan penjenamaan tapak sejarah berkenaan, malah turut menekankan penggunaan bahan berserta teknik binaan kota.

Dalam hubungan ini, bahan dalam membina sebuah kota sering bertumpu kepada hasil semula jadi sebagai bahan yang terdapat di persekitaran tapak sejarah, sama ada kapur dari kulit kerang-kerangan, manisan lebah, putih telur dan pelbagai jenis kayu. Namun begitu, bahan binaan kota Melayu hakikatnya bertumpu kepada tiga bahan utama, iaitu ketul-ketul batu, timbunan tanah dan pancang kayu (Abdul Halim Nasir, 1990: 43-48). Malahan, penggunaan bahan-bahan tersebut ada kalanya digabung jalinkan bagi menghasilkan binaan yang lebih kukuh dan pelbagai.

Kekukuhan sesebuah hasil manusia yang bergantung pada bahannya juga dikenal pasti pada hasil manusia seperti bangunan istana atau kediaman. Sumber alam yang terdapat pada persekitaran digunakan sebagai bahan dalam membina komponen-komponen pada bangunan iaitu reka bentuk asas bangunan. Hal ini diperlihatkan pada petikan berikut:

“Adapun rusuk istana itu kulim, sehasta lebarnya dan sejengkal tiga jari tebalnya,...”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 133)

Petikan memperincikan bahan dan ukuran pada komponen rasuk, iaitu salah satu komponen yang terdapat pada perenggan tiang. Komponen rasuk diperbuat dari kayu kulim berukuran lebar sehasta dan tebal sejengkal tiga jari. Komponen berkenaan merupakan antara komponen terpenting dalam perenggan tiang, yang berfungsi sebagai sistem sambungan yang menyatukan perenggan-perenggan pada bangunan serta menyalurkan beban ke bahagian tiang (Zulkifli Hanafi, 1996: 20-21). Rasuk boleh juga dirujuk sebagai penyambung atau “paku” dalam binaan bangunan tradisional. Bahan rasuk dari kayu kulim merupakan antara bahan kayu bermutu yang mudah didapati di kawasan semenanjung tanah Melayu. Hal ini kerana, kayu kulim merupakan jenis kayu balak keras yang banyak tumbuh di kawasan Melayu terutamanya di Sumatera, Semenanjung Malaysia dan Kepulauan Borneo (J.F Dumanauw, 2001: 23).

Di samping itu, penggunaan alam pada binaan sebagai hasil manusia pada tapak sejarah juga berkait dengan sumber peniruan. Hal ini apabila alam menjadi asas kepada penghasilan reka bentuk asas sesebuah istana sebagaimana pada petikan:

“...pada antara kapa-kapa itu diberinya bumbungan melintang dan bergajah menyusu;...”

(*Sulalatus Salatin*, 1979: 133)

Petikan memerihalkan reka bentuk gajah menyusu pada bumbung Mahligai Hawa Nafsu. Rekaan ini merupakan antara jenis bumbung yang banyak digunakan pada kediaman di semenanjung tanah Melayu termasuk Melaka (Zulkifli Hanafi, 1996: 35). Hakikatnya, penggunaan bumbung gajah menyusu memperlihatkan hubungan masyarakat Melayu dengan alam sekitar, menerusi hasil peniruan terhadap objek alam iaitu figura anak gajah yang sedang menyusu. Ilham dari figura berkenaan kemudian dipindahkan ke dalam bentuk bumbung. Dengan itu, penghasilan rekaan ini menjelaskan hubungan masyarakat Melayu dengan alam persekitaran sekali gus menonjolkan kemampuannya dalam melahirkan identiti masyarakat.

Penghasilan reka bentuk bumbung gajah menyusu lahir dari cita rasa tukang seni terhadap keindahan yang terdapat pada alam persekitaran, iaitu figura anak gajah menyusu. Hal ini melahirkan pengaruh yang kemudian menguasai pemikiran dan tingkah laku masyarakatnya. Dalam pengkajian ini, figura gajah menyusu menampilkan keindahan menerusi hubungan yang wujud antara anak dengan ibu, seperti kasih sayang dan perlindungan. Nilai tersebut mempengaruhi pemikiran dan

tingkah laku masyarakat, apabila terhasilnya reka bentuk pada bahagian bangunan yang bersesuaian dengan nilai pada objek alam. Nilai perlindungan pada figura anak gajah menyusu diolah dan dipindahkan ke bentuk bumbung, iaitu bahagian bangunan yang turut berperanan sebagai pelindung kepada bangunan serta penghuninya. Pemakaian reka bentuk bumbung yang memperlihatkan nilai moral tersebut, menjelaskan bentuk masyarakat Melayu, yang cenderung ke arah pembentukan moral masyarakat.

Secara keseluruhan sumber alam dilihat penting dalam penghasilan hasil manusia pada sesebuah tapak sejarah. Sumber alam ini bukan sahaja digunakan sebagai bahan penghasilan, bahkan juga sebagai asas kepada peniruan dalam menghasilkan hasil manusia. Dalam konteks ini, alam sekitar penting sebagai sumber ampuh penghasilan tapak sejarah, menyumbang kepada penghasilan hasil semula jadi dan hasil manusia.

## KESIMPULAN

Penelitian terhadap tapak sejarah berdasarkan teks *Sulalatus Salatin*, jelas bahawa tapak sejarah terhasil dari dua kriteria utama, iaitu hasil manusia dan hasil semula jadi. kedua-dua kriteria terbabit berhubung kait dalam membentuk sesebuah tapak sejarah. Di samping itu, hasil semula jadi dan hasil manusia terbabit memperlihatkan wujudnya perkaitan di antara warisan ketara dengan alam semula jadi yang diperlihatkan menerusi dua aspek, iaitu alam semula jadi sebagai sumber bahan dan alam semula jadi sebagai sumber peniruan. Aspek-aspek berkenaan haruslah memenuhi ciri-ciri tertentu, meliputi kemudahan perolehan, iaitu mudah didapati dan banyak terdapat di persekitaran khalayaknya, serta merupakan sumber terbaik dalam memastikan penghasilan warisan ketara yang bermutu. Hakikatnya, aspek-aspek berkenaan lahir dari interaksi masyarakat Melayu dengan alam persekitaran mereka, seterusnya disesuaikan dengan keadaan semasa khalayak berkenaan.

## RUJUKAN

- A.Samad Ahmad. 1979. *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Nasir. 1977. *Sejarah Perak*. Kuala Lumpur: Muzium Negara.
- Abdul Halim Nasir. 1990. *Kota-Kota Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azreena binti Abu Bakar & Nangkula Utaberta. 2013. Motif-Motif Ukiran Pada Rumah Tiang Dua Belas di Kelantan dan Terengganu. *Journal Design & Built*. Vol. 6: 1-11.
- Dumanauw , J,F. 2001. *Mengenal Kayu*. Yogyakarta, Indonesia: Penerbit Kanisius.
- Ibrahim Komoo. 2017. “Keperluan Memulihara Warisan Tabii. *Berita Harian*, Hlm.10

Jabatan Warisan Negara. 2012. *Warisan Kebangsaan 2012*. Jabatan Warisan Negara, Kuala Lumpur.

UNESCO. 1995. *Convention Concerning the Protection of the World Cultural and Natural Heritage*- dicapai daripada <http://whc.unesco.org/archive/repcom95.htm>. Tarikh capaian 23 Oktober 2013 pukul 7.43 malam.

Zulkifli Hanafi. 1996. *Pembinaan Bangunan Tradisional Melayu*. Kulim, Kedah: Amber-Solara Publication.

## LAMPIRAN

**Jadual 1:** Tapak sejarah yang Terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin*.

Teks	Kawasan Sejarah	Hasil Semula Jadi				Hasil Manusia			
		DT	AI	FF	LL	KT	BG	PB	LL
<i>Sulalatus Salatin</i>	Dinding	/	/			/	/	/	
	Temasek	/	/	/		/	/	/	/
	Semundra	/	/	/					
	Pasai	/	/	/				/	/
	Biawak Busuk			/		/			
	Kota Burok						/		
	Melaka	/	/	/		/	/	/	
	Pagoh			/		/		/	
	Pekan Tua						/		
	Kuala Johor	/	/	/		/	/	/	/
	Pahang		/	/	/				
	Jeram						/		
	Siak		/				/		
	Langiu		/				/		
	Kelantan	/	/			/		/	
	Palembang	/	/	/	/				
	Bangka Hulu		/	/	/				
	Inderagiri	/	/						
	Selat Air Tawar		/	/					
	Bintan	/	/	/		/	/	/	
	Bemban	/	/	/					
	Padang Maya				/				
	Bukit China	/	/					/	
	Kampar					/		/	

Tanjung Batu	/	/	
Cempa	/		/
Patani		/	
Seluyud	/		/ /
Makam Tauhid	/	/	/
Batu Sawar	/		/
Pangkalan Rama			/
Pasir Raja	/	/	/
Pagar Ruyung		/ /	/ /
Kota Mahligai			/ /

**Petunjuk:**

DT: Dataran Tanah Tinggi AI: Sumber Perairan

FF: Flora Fauna

KT: Kota

BG: Bangunan

PB: Pekan / Bandar

LL: Lain-lain

**Jadual 2:** Pembukaan Tapak Sejarah dalam teks *Sulalatus Salatin*

Tapak sejarah	Hasil Semula Jadi			Hasil Manusia			
	Dataran Tanah Tinggi	Sumber Perairan	Flora/ Fauna	Kota	Bangunan	Bandar / Pekan	Pelabuhan
Temasek	Bukit	Parit Lautan	Singa	Kota Singapura	Balai rong dalam Balai rong luar Rumah	Kedai Pasar	Pelabuhan dagang Teluk Tanjung Rhu- Parit
Semundra	Tanah tinggi	Lautan Pantai	Semut besar				
Pasai	Tanah tinggi	Pantai	Anjing Si Pasai		Istana	Pekan	
Biawak Busuk			Biawak	Kota berpagar			
Kota Burok				Kota			
Melaka	Bukit	Sungai bertam	Anjing pelanduk Pohon/ kayu melaka	Kota Melaka	balai	Pekan dan bandar	Pelabuhan dagang
Pagoh			Pagar ruyung	Kota di Bentayan	Istana pagar ruyung		
Pekan Tua				Kota Kara			

Kuala Johor	Bukit Piatu	Hilir Sungai Kerting Hulu Sungai Johor,	Pokok kayu		Istana, masjid, balairung kedua, penanggahan, balai gendang, rumah, kedai	Pekan Pesara (Pasar)	Lebuh
Palembang	Bukit Si Guntang, Gunung Mahameru	Sungai Melayu	Padi huma berbaukan emas dan berbatangkan suasa		Panca persada tujuh belas pangkat, Istana,		
Bemban	bukit	Laut	Pelanduk putih				
Patani		Laut					
Seluyud		Sungai Seluyud			rumah	Pesara (Pasar) besar di Gangga ng	
Makam Tauhid		Hulu Sungai Damar		Kota	Istana, makam Berdewal Beta		
Batu Sawar		Sungai Batu Sawar					
Pasir Raja		Sungai Riun		Kota kayu kulim	Istana, balai rong luar dalam, penanggahan, balai gendang, masjid		
Pagar Ruyung			Batang Jelatang Ayam	Kota Pagar ruyung	Istana, balai, baluhan gendang		